

PANDANGAN GURU INOVATIF PENDIDIKAN ISLAM MENGENAI PRODUK INOVASI ALLAH

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
wanaliakbar.kpm@gmail.com

Abstrak

Dalam al-Quran dan hadis, contoh produk inovasi Allah dinyatakan secara umum. Walhal, kefahaman mengenai produk inovasi Allah adalah sebahagian cabang yang membentuk konsep inovasi dalam Islam secara keseluruhan. Oleh itu, untuk memahami konsep umum inovasi dalam Islam, perlu ada perbahasan mengenai contoh inovasi Allah. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan secara kualitatif untuk meneroka kefahaman guru inovatif pendidikan Islam mengenai contoh produk inovasi Allah. Peserta kajian dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Temu bual secara mendalam dan separa berstruktur dijalankan terhadap enam peserta kajian. Dapatan menunjukkan ada dua tema utama, iaitu; ciptaan Allah dan ilmu. Sub tema bagi ciptaan Allah adalah tiga, iaitu; manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Sub tema bagi ilmu pula ada tiga, iaitu; syariat agama, daya inovatif manusia dan hikmah alam dan kejadian. Kajian ini memberi inspirasi kepada para guru untuk berusaha menghasilkan inovasi pengajaran yang terbaik dan secara berterusan.

Kata kunci: Produk inovasi Allah, konsep inovasi, guru inovatif pendidikan Islam.

Abstract

In the Qur'an and hadith, examples of God's innovative products are stated generally. However, the understanding of God's innovation product is part of the branch that forms the concept of innovation in Islam as a whole. Therefore, to understand the general concept of innovation in Islam, debates are needed to discuss the example of Almighty God's innovation. As such, this study was conducted qualitatively to explore the understanding of innovative Islamic education teachers on examples of God's innovative products. Study participants were selected using objective sampling techniques. In-depth and semi-structured interviews were conducted with six study participants. The findings show that there are two main themes, namely; God's creation and knowledge. The sub-themes for God's creation are three, namely; humans, animals and plants. There are three sub-themes for knowledge, namely; syariah law, human innovation and natural occurrence and events. This study inspires teachers to strive to produce the best teaching innovation.

Keywords: The product of God's innovation, the concept of innovation, the innovative teacher of Islamic education.

1.0 PENGENALAN

Nama Allah ada 99 (Al-Bukhari, 2001; At-Tirmizi, 1998; Ibnu Majah, n.d.; Muslim, n.d.). Nama-nama ini dikenali sebagai al-Asma' al-Husna (Taha, 20:8; al-'Araf, 7:180; al-Hasyr, 59:24; al-Isra', 17:110). Daripada 99 nama itu, ada sebahagian nama yang merujuk kepada sifat Allah sebagai Pencipta, antaranya; al-Khaliq, al-Bari' dan al-Badi' (Al-Asyqar, 2010; Mohd Azhar Abd Hamid, Mohd Koharuddin Balwi, & Muhamed Fauzi Othman, 2006). Namun, nama yang paling sesuai diterjemahkan sebagai Inovator adalah al-Badi' (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah, 2020; Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar, 2020). Hal ini selaras dengan pandangan Umar Faruq Abd Allah (2006) yang menterjemahkan inovasi dengan perkataan al-bid'u. Maksud Allah sebagai al-Badi' adalah Allah sebagai Pencipta segala apa-apa yang ada di langit dan di bumi (Al-Kumayi, 2012) dengan penciptaan sesuatu yang baru tanpa ada sesuatu yang dijadikan contoh sebelumnya (Al-Asyqar, 2010; Al-Kumayi, 2012; At-Tahir, 2008; Said Ibrahim, 1995).

Pemahaman mengenai Allah sebagai al-Badi' (Inovator) turut boleh difahami melalui dua ayat al-Quran iaitu dalam surah al-Baqarah (2:117) dan surah al-'An'am (6:101). Sebenarnya, kedua-dua ayat tersebut adalah hujah untuk menolak dakwaan bahawa Allah itu mempunyai anak (al-Baqarah, 2:116; al-'An'am, 6:100) dan isteri (Hamka, 2015; Wahbah az-Zuhaili, 1997). Contoh ini sebenarnya meliputi maksud sebenar inovasi, iaitu; adaptasi dan kombinasi (Lednor, 2019). Hal ini boleh dianalogikan melalui penciptaan Nabi Adam dan Hawa' serta manusia keseluruhannya. Hawa' dicipta daripada tulang rusuk Nabi Adam a.s. (Al-Bukhari, 2001; Muslim, n.d.), manakala daripada Nabi Adam dan Hawa' lahirnya anak-anak yang ramai (an-Nisa', 4:1; az-Zumar, 39:6). Penciptaan Hawa' adalah berbentuk adaptasi, manakala penciptaan anak-anak adalah berbentuk kombinasi. Dengan melihat kepada contoh ini, maka penciptaan isteri dan anak bagi Allah adalah mustahil kerana tidak mungkin tuhan mencipta tuhan lain. Hal ini kerana sesuatu yang dicipta oleh Allah sudah tentu dikategorikan sebagai makhluk, dan bukannya tuhan (Hamka, 2015; Wahbah az-Zuhaili, 1997). Hal ini berbeza dengan Nabi Adam, Hawa dan manusia seluruhnya kerana mereka adalah makhluk yang dicipta oleh Allah.

Selain anak, Allah dan Rasulullah memberikan contoh umum kepada produk inovasi Allah, iaitu langit dan bumi (al-Baqarah, 2:117; al-'An'am, 6:101; Abu Daud, 2009; Ahmad bin Hanbal, 2001; Al-Hakim, 1990; An-Nasaie, 1986; At-Tirmizi, 1998). Isunya adalah contoh ini terlalu umum dan sukar untuk difahami contoh inovasi yang dihasilkan Allah. Oleh hal yang demikian, menarik untuk dikaji apakah yang berada dalam fikiran guru inovatif pendidikan Islam mengenai produk inovasi Allah. Kajian ini dapat memberi gambaran tentang kefahaman para guru inovatif pendidikan Islam mengenai maksud inovasi secara umum. Selain itu, kajian ini turut dapat menampung kekurangan kajian yang dijalankan mengenai inovasi Allah (Jamal Badi, 2014).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif. Kajian kualitatif dipilih kerana sesuai dengan jenis kajian penerokaan. Enam guru inovatif pendidikan Islam telah dipilih sebagai peserta kajian. Pemilihan guru inovatif adalah bertepatan dengan kajian ini yang ingin merungkai produk inovasi Allah menurut pandangan individu yang berpengalaman dan berkelayakan dengan penghasilan inovasi. Pemilihan peserta kajian dibuat menggunakan teknik persampelan bertujuan. Menurut Merriam (2009), teknik ini dimulai dengan mengenal pasti ciri peserta kajian yang sesuai. Empat ciri ditetapkan iaitu; 1) memenangi pertandingan inovasi pengajaran sekurang-kurangnya di peringkat negeri, 2) guru pendidikan Islam, 3) berkhidmat di sekolah

menengah, dan 4) mudah didekati. Ciri pertama, iaitu memenangi pertandingan inovasi adalah supaya inovasi yang dihasilkan bukanlah sekadar andaian peserta kajian, sebaliknya memang diiktiraf oleh pakar. Dari sudut bilangan peserta, tidak ada satu jawapan yang jelas mengenai bilangan yang sepatutnya dikaji kerana hal yang lebih penting adalah memastikan data yang diperoleh tepu (Merriam, 2009), namun enam orang adalah mencukupi sepertimana yang digunakan dalam kajian kes oleh Nursafra Mohd Zhaffar (2017). Profil enam peserta kajian adalah seperti berikut:

Jadual 1.0: Profil Peserta Kajian

	Ustaz Yasir	Ustaz Malik	Ustazah Salma	Ustazah Salwa	Ustazah Safra	Ustazah Sofiah
Gred	DG 48	DG 48	DG 44	DG 44	DG 44	DG 48
Kelulusan Akademik Tertinggi	Sarjana	Sarjana	Sarjana Muda	Sarjana Muda	Sarjana Muda	Sarjana
Pengalaman Mengajar	17 tahun	20 tahun	11 tahun	11 tahun	16 tahun	24 tahun
Inovasi yang dihasilkan	Kit Solat Awesome & Dado Vok	Jari Jawi & Jawi Abqari	Solatku Power!	Haji Pop-up Tour	Dam Haji LRT	Formula GPS & Formula VG
Anugerah tertinggi dalam inovasi	Guru Inovatif JPN Selangor (2018)	Guru Inovatif JPN Melaka (2018; 2020)	Pingat Emas dalam ISIDE 2019	Guru Inovatif Kebangsaan (2018)	Guru Inovatif JPN Selangor (2013)	Pingat Emas dalam SCIID 2014

Pengumpulan data dibuat melalui temu bual mendalam secara separa struktur. Kaedah ini digunakan apabila pengkaji memerlukan maklumat yang spesifik (Merriam, 2009). Walau bagaimanapun, pengkaji hanya dipandu dengan senarai soalan, manakala bentuk soalan ditentukan bergantung kepada masa dan situasi. Kesahan dan kebolehpercayaan data pula dibuat melalui triangulasi sumber, iaitu melalui perbandingan antara data yang diperoleh antara peserta kajian dengan peserta kajian yang lain (Bogdan & Biklen, 2003).

3.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian bersetuju bahawa Allah adalah Inovator Mutlak. Hal ini seperti kenyataan Ustazah Safra, “Allah buat tu yang terbaik.” Kemutlakan produk inovasi Allah itu diukur berdasarkan kehebatan dan kerumitan yang terdapat pada sistem cakerawala meliputi kejadian di bumi dan langit. Kata Ustazah Safra, “Yang terbaik tu, kejadian manusia tu terbaik, kejadian alam tu terbaik, Allah jadikan pergerakan, orbit-orbit semua, kita tengok ya Allah hebatnya. Kun fayakun. So, kita ni manusia, kita kene cubalah untuk melakukan sesuatu untuk jadi lebih baiklah.” Dapatan menunjukkan terdapat dua tema utama, iaitu; ciptaan Allah dan ilmu. Seterusnya, terdapat sub-tema bagi tema utama tersebut.

3.1 Ciptaan Allah

Peserta kajian mengakui bahawa Allah adalah Pencipta, Pemilik dan Pentadbir seluruh alam ini. Produk inovasi Allah begitu hebat dan menjadi sumber inspirasi kepada para peserta kajian untuk turut sama berinovasi sebagai satu bentuk ibadah kepada-Nya. Hal ini seperti yang disebutkan oleh Ustazah Safra, “Allah sebagai Inovatur ni, Allah ni lah Pentadbir, Pencipta, Pemilik alam, mencipta sesuatu dengan sungguh hebat. Kita boleh tengok ciptaan Allah tu kita boleh jadikan sebagai sumber inspirasi kita untuk jadi hamba Allah yang beragama...” Terdapat tiga sub-tema di bawah tema ciptaan Allah, iaitu; manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan.

3.2 Manusia

Keunggulan penciptaan manusia terletak pada kerumitan sistem yang ada pada tubuh badan manusia. Hasil ini terjadi kerana ilmu Allah yang tidak bertepian. Mustahil bagi manusia untuk mencipta dan cuba menyaingi keagungan hasil produk inovasi Allah ini. Hal ini dijelaskan oleh Ustaz Yasir:

Sebab semua yang dah berada di muka bumi ni semua, memang ciptaan Allah, kan? Semuanya milik Allah. kita pun kata, diri kita ni pun milik Allah. macamana Allah boleh mencipta kita, ada sel-sel yang paling kecil, tak nampak dalam darah, boleh hidup dalam kita punya tubuh badan, dalam darah mengalir, dekat saraf ni, kita pun tak mampu buat, kan? sedangkan semua yang kecil tu pun, macamana, berjuta-juta yang boleh hidup dan sebagainya. itu semua, Allah punya kuasa, ilmu. dari segi ilmu tu, bermacam-macam lah itu asal-asalnya lah

Kerumitan penciptaan manusia tidak semata-mata dilihat pada fizikal tubuh badan manusia, sebaliknya turut merangkumi kehebatan penciptaan daya fikir pada akal manusia sehingga dilantik sebagai khalifah yang ditugaskan untuk mentadbir alam. Sebagai khalifah, semua manusia perlu memainkan peranan masing-masing berdasarkan akal yang dikurniakan kepadanya. Jelas Ustazah Safra, “Allah jadikan kita sebagai khalifah, untuk mentadbir alam. So kita cubalah buat sesuatu agar bagi manfaat kepada orang lain. Contohnya, inovasi yang ustazah buat tu, cuba mudahkan pelajar-pelajar untuk mudah faham, mudah ingat pastu boleh aplikasi lah.”

3.3 Binatang

Binatang sebagai produk inovasi Allah boleh dilihat pada kepelbagaian ciptaan binatang. Daripada satu jenis binatang itu, ada jenis-jenis yang berbeza pula dari sudut warna, rupa dan seumpamanya. Jelas Ustaz Yasir, “daripada semut tu, macam-macam jenis semut. daripada rama-rama, macam-macam jenis rama-rama. burung, pelbagai jenis burung. padahal, burung je, kan? tapi macam-macam jenis, macam-macam kaler, macam-macam jenis bentuk, itu inovasilah...”

3.4 Tumbuh-tumbuhan

Tumbuh-tumbuhan juga adalah produk inovasi Allah. Hal ini dapat dilihat melalui kepelbagaian jenis tumbuh-tumbuhan. Kadang-kadang, perbezaan sifat yang ada pada tumbuh-tumbuhan itu dipengaruhi oleh lokasi ia tumbuh sehingga ada tumbuh-tumbuhan yang tumbuh

di satu-satu tempat dan tumbuhan-tumbuhan lain tumbuh di tempat yang lain. Ujar Ustazah Salma:

Ciptaan Allah tu, semua berbeza. Maksudnya apa yang Allah cipta tu, kita tengok, okey macam ni ek. Kalau kita gi hiking, kan? Setiap tempat yang kita pergi tu, ada benda yang berbeza. Maksudnya kat sini Allah jadikan, bunga, macam-macam warna, kita jumpa. Bunga, sama je bunga. Tapi, warna tu, ada biru, ada yang kuat, ada yang kita tak pernah tengok, ada bunga yang pink dia pink betul sangat. Ada yang hijau dia tu lain. Kuning dia tu, ha... Bila kita gi tempat ni pulak, kita tengok, uh! ni aku tak pernah jumpa pun lagi. Kat sini takde. ha... maksudnya, ciptaan Allah tu lah...

Selain itu, kehebatan produk inovasi Allah yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan boleh dilihat pada proses pertumbuhannya, daripada benih sehingga menjadi pokok. Seterusnya pokok itu mengeluarkan buah dan memberikan manfaat kepada orang lain. Oleh hal yang demikian, manusia perlu mencontohi pokok yang sentiasa memberi manfaat kepada orang lain. Kata Ustazah Safra, “*Tengok bagaimana...kalau pokok, dia tumbuh daripada biji benih tu boleh tumbuh, cabang dia macam mana boleh tumbuh buah, boleh beri pada orang lain, manfaat, kita sebagai manusia pun kena cubalah jadi seperti pokok.*”

3.5 Ilmu

Inovasi Allah turut zahir pada ilmu. Hal ini kerana keluasan ilmu Allah menjadikan manusia sentiasa tidak puas menggali khazanah ilmu yang ada terbentang di dunia ini. Semakin banyak ilmu yang digali, semakin terasa banyak perkara tidak diketahui. Hal ini dinyatakan oleh Ustazah Safra, “Allah ni hebat kan, cipta berbagai-bagai, Allah ni takde tandingannya. Semakin kita belajar semakin kita rasa macam kurang je ilmu ni.” Hal ini dipersetujui oleh Ustaz Yasir yang memberi perumpamaan kepada perbandingan antara ilmu manusia dan ilmu Allah. Jelas Ustaz Yasir:

Dia (Allah) kasi kelebihan Dia, bila fikir macam ni. orang ni, bila fikir, macam ni. tapi nak bandingkan dengan ilmu Allah, sangat-sangat tak boleh dibandingkanlah. kan? antara perumpamaannya, macam air dilautan, ilmu manusia ni banyak mana je? banyak, macam jarum, kita masukkan dalam air tu, yang menitis tu, daripada jarum tu, menitis air, tu je. ilmu, bukan ilmu seorang manusia, ilmu satu dunia manusia. ha, kan? jadi kita nak kata kita ni inovator apalah sangat. kat dunia ni, kan? tapi yang maha-maha inovatornya Allah. memang Allah s.w.t. kita tak boleh nafilah ni. datangnya daripada Dia, kan? Maha Sempurna. Maha Agung. Maha Berilmu.

Ada tiga sub-tema bagi tema ilmu, iaitu; syariat agama, daya inovatif manusia dan hikmah alam dan kejadian.

3.6 Syariat agama

Keinovatifan Allah terzahir pada syariat Islam itu sendiri. Susunan syariat begitu indah sehingga tidak mungkin mampu disusun oleh manusia. Contohnya seperti yang diungkit oleh Ustazah Salwa, “*Kalau Allah sebagai inovator, saya macam, kejadian, contohnya, kalau saya buat (inovasi) haji tu, kan? Kita boleh nampak, kenapa kita perlu tunaikan haji.*” Susunan syariat itu begitu rapi dan meliputi pelbagai perkara seperti tatacara ibadah, pemilihan jenis bahan yang digunakan untuk ibadah, kewajipan sesuatu syariat mengikut kemampuan penganut Islam dan kebenaran pengubahsuaian tatacara agama mengikut situasi tertentu.

Dari sudut tatacara ibadah, peserta kajian mengakui bahawa tatacara ibadah direka dan disusun dengan teratur dan penuh sistematik. Kata Ustazah Salwa, *“Maksudnya, segala apa yang Allah aturkan, peraturan dan sebagainya, contohnya kenapa kita solat semua tu, kenapa haji semua, kan? Saya ambik contoh hajilah. Jadi saya just nak memahamkan, bahawa kenapa Allah menyuruh umatnya menunaikan haji. Apa pentingnya. Kenapa? Kenapa kena tawaf. Kenapa kena ni...”*

Dari sudut pemilihan bahan yang digunakan untuk ibadah pula, Allah mencipta pelbagai jenis bahan, namun mengkhususkan bahan tertentu sahaja yang boleh digunakan untuk ibadah tertentu. Situasi ini sendiri menjadi satu ilmu pengajaran bagi inovator dan boleh menjadi inspirasi kepada penghasilan inovasi mereka. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Ustazah Salwa, *“Tiga jenis air. Kenapa air mutlak saja Allah jadikan untuk bersuci? Allah innovatekan. Jadi kita kena faham, ha... Jadi kita boleh belajar, kita boleh, kita sendiri pun boleh... Maksudnya Allah semua menciptalah, kan? Mencipta semua tu, innovator.”* Sebagai tambahan, jelas Ustazah Salwa lagi, *“Contohnya Allah dah jadikan Kaabah untuk tawaf, kiblat.”*

Dari sudut kewajipan sesuatu syariat pula, hukum hakam agama diwajibkan dengan mengambil kira kemampuan penganut Islam. Contohnya dalam bab zakat dan haji yang diwajibkan hanya bagi yang berkemampuan sahaja. Jelas Ustazah Salwa, *“(Kita kena kerjakan haji kerana) rukun Islam, kan? Bagi yang berkemampuan, kan? Jadi, saya macam, inspire la, macam tu. Kenapa Allah perlu mewajibkan yang berkemampuan untuk buat haji.”*

Dari sudut kebenaran pengubahsuaian tatacara agama, dapat dilihat pada pensyariatan rukhsah dalam ibadah. Hal ini kerana manusia dibenarkan mengubahsuaikan tatacara ibadah yang asal kepada tatacara ibadah mengikut kaedah yang khusus berdasarkan situasi tertentu. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian pada tatacara ibadah itu juga adalah berdasarkan nas al-Quran atau hadis. Kata Ustaz Malik, *“Memang kita tahu Islam suruh kita kreatif. Contoh kalau kita musafir, apa kaedah untuk kita... Allah dah buat solat jamak dan qasar, itulah kreativiti saya cakap...”*

3.7 Daya inovatif manusia

Peserta kajian mengaitkan daya inovatif manusia kerana mengambil iktibar daripada keinovatifan Allah. Jelas Ustaz Yasir, *“Allah kan segala-galanya. Inovator. Khaliq, al-Mubdi’. Mubdi’ tu kreatif, inovatiflah tu. Allah yang menciptakan. kita ni, kita yang jadi kreatif dan inovatif asalnya, datang daripada Dialah jugak.”* Dengan iktibar tersebut, maka datang daya usaha untuk belajar dan memanfaatkan ilmu yang ada serta berfikir untuk menghasilkan inovasi.

Kata Ustaz Yasir, *“Ha! Kita belajar, hasil daripada belajar tu, Allah kasi kita ilmu tu, Allah kasi kita pemikiran, dan kita boleh berfikir, daripada situ terhasilnya sesuatu idea yang baru. Jadi itu semuanya daripada Allah sebenarnya. kita kena kembali kepada Allahlah. Asal, semua yang kita buat ni, kembali kepada Allah.”* Usaha menghasilkan inovasi itu tidak terhenti dengan terhasilnya sesuatu inovasi, sebaliknya apa-apa yang telah ada, boleh ditambah baik sehingga terhasilnya inovasi yang lain pula.

Jelas Ustaz Yasir, *“asalnya dah ada. kita pulak, benda yang dah ada tu, kita pelbagaikan. tapi, semua tu, ilmu tu, daripada Allah.”*

Dari satu sudut yang lain, Allah turut membeza-bezakan tahap yang ada pada daya inovatif manusia. Ada yang sangat inovatif dan ada yang kurang inovatif. Hal ini dikaitkan dengan kemajuan pemikiran dan ilmu yang ada pada sesuatu tempat itu. Ujar Ustazah Salma:

*Allah cipta, even manusia pun beza, kan? Kita punya (pemikiran) ni.
Dari segi tulah... Macam kalau kita pergi luar negara tu, kan? Ha...*

Lain. Memang lain. Maksudnya, kat sini Allah cipta benda tu macam ni. Kat sini macam ni. macam ni... Oh! Orang yang kat sini lain. Maksudnya, bila pergi tempat tu, orang (tak) samalah... Maksudnya, kita nak bagitahu, bagaimana orang kat sana boleh cipta benda-benda ni? Pemikiran yang Allah bagi tu, tak samalah... Negara lain ni, dia lain. Kat Malaysia ni lain. Maksudnya, benda tu, semua benda tu daripada Allah, kan? Apa yang kita ada sekarang ni, semuanya daripada Allah, kan? Maksudnya berbeza dari segi tulah kot. Macamana orang kat sana boleh cipta, contoh, Paris rangka tu? Ha! Macamana, kan? Maksudnya pemikiran Allah bagi, boleh cipta benda tu, dan benda tu boleh tukar-tukar warna, bukan satu warna je, coklat...

Sebagai tambahan, perbezaan pemikiran ini dikaitkan dengan ilham yang datangnya daripada Allah. Kata Ustazah Salma, “Pemikiran orang kat sana (Paris) dengan kat sini, kita nampak ada beza. Yelah, idea tu pun daripada Allah jugak, kan? Mana ada idea daripada orang lain ke, kan? Maksudnya Allah yang bagi benda tu.”

3.8 Hikmah alam dan kejadian

Antara produk inovasi Allah juga adalah manfaat di sebalik aturan bahan dan peristiwa yang terjadi. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Ustaz Malik:

Yes... Allah is the best is the most innovator lah, not just innovator, it is about creating something yang kita tak terduga, kita tak terfikir hikmahnya dan kadang-kadang kita sebagai hamba Allah ni just memandang itu sebagai satu bentuk ciptaan biasa tapi rupa-rupanya dekat sebalik tu Allah Maha Hebat, hebatnya. Tapi kita tak terfikir, tak terduga pun. Ada hikmah di sebalik itu.

Hikmah itu ada pada alam seperti penciptaan air yang mengandungi zat-zat tertentu yang baik untuk kesihatan manusia. Jelas Ustaz Malik, “Contoh kadang-kadang contoh yang paling mudah Ustaz kan, ambil air. Nampak air biasa tu minum kan, tapi di sebalik air tu, kita ada unsur-unsur serat, ada unsur-unsur yang kita tak nampak (yang baik untuk kesihatan kita).”

Hikmah kejadian pula boleh dilihat dari sudut susunan kejadian alam. Ia boleh dilihat pada dua sudut, iaitu; kejadian alam secara umum dan kejadian yang terjadi kepada individu manusia secara khusus. Contoh kejadian alam secara umum adalah susunan pertukaran siang dan malam yang mempunyai hikmah tersendiri kepada kehidupan manusia. Jelas Ustazah Salwa, “Ni kita belajar. Jadi tajuk sunnatullah. Kejadian Allah, kan? Kenapa Allah jadikan siang dan malam. Jadi kita nampak, ooo... Ni hikmah dia. Ni, ha...”

Kejadian yang terjadi kepada individu secara khusus pula dikaitkan dengan qadha' qadar Allah. Contohnya dalam hal kerjaya, tanggungjawab dan seumpamanya. Kesemuanya ada hikmahnya. Ustaz Malik berkata:

Ada hikmahnya, ada benda sebaliknya yang memang kita kena fikir, kenapa Allah jadikan aku jadi cikgu ya, kenapa? Adakah sebab doa mak bapak yang Allah takdirkan aku jadi cikgu. Kenapa ya? Kenapa aku mesti jadi pengerusi surau? Kenapa ya? Rupanya nak saya jadi baik. Nak tolong saya berubah, nak tolong saya jadi muslim terbaik. Supaya saya selamat dekat akhirat nanti. Saya fikir di sebalik, bukan just luaran tapi dekat dalaman itu, itu saya cakap based

pada niat kan. Bukan kita sekadar bekerja nak ada duit tapi nawaitu tu yang bagi sayalah, tu yang saya cakap dekat anak-anak sendiri, anak murid kan, based kepada what is the purpose you live in this world, untuk apa? Mesti ada tujuan, ada sebab, bukan sengaja kita nak hidup, nak jadi cikgu, tak... ada bendanya kenapa Allah takdirkan kita jadi begini.

Sebahagian hikmah dapat difikir dan dirungkai sama ada berbentuk nikmat atau musibah. Tindakan yang diperlukan turut diambil agar hidup kekal positif. Dalam kes ujian yang menimpa keluarga Ustazah Sofiah, kesannya adalah berlaku peningkatan ilmu, amal dan rasa kebergantungan yang kuat kepada Allah. Jelasnya:

Contoh macam ujian yang saya dapat kan, ujian yang suami saya sakit apa semua kan. Kalau tak ada ujian itu, tak mungkin saya tahu tentang ilmu yang kita kena seiring, ilmu rawatan Islam dengan perubatan moden ini kan. Selepas itu, mungkin saya tak teroka pun tentang alam yang satu lagi. Ha, jadi mencetuskan, mungkin juga kalau bukan sebab ujian itu, kita tak terdorong untuk buat apa? Solat sunat tambahan kan, benda-benda tambahan dengan lebih betul-betul fokus kan? Kita buat pun macam... hmm... rajin... malas... rajin... malas macam itu kan. Tapi disebabkan ujian-ujian itu lah kadang-kadang, Allah bagi dorongan pada kita. Pada saya, disebabkan itu saya barulah saya buka. Saya buka, saya kaji sedikit tentang benda-benda itu. Sebab itu yang mendorong saya dapatkan ilmu itu. Tapi, kalau dalam bab-bab yang lain, itu maksud Ustaz untuk Pendidikan ke apa ke, yang itu saya... saya susahlah nak huraikan benda ini. Saya susah nak nampak lah. Tapi pada saya, memang apa yang saya buat itu, sebab saya nak murid saya faham tentang agama dan saya nampak Dia adalah pendorong saya ke arah itu. Ha, macam itu lah.

4.0 PERBINCANGAN


Secara umumnya, produk inovasi Allah menurut pandangan guru inovatif pendidikan Islam ada dua, iaitu; ciptaan Allah dan ilmu. Ciptaan Allah meliputi manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Kehebatan inovasi Allah pada manusia terletak pada sistem dan struktur tubuh badan manusia serta akal yang dikurniakan kepada manusia. Dapatan ini bertepatan dengan firman Allah bahawa manusia dicipta dengan sebaik-baik kejadian (at-Tin, 95:4). Maksud sebaik-baik kejadian itu ditafsirkan kepada sebaik-baik rupa paras dan kehebatan akal yang diberikan kepada manusia (Al-Qurtubi, 1964; Hamka, 2015; Wahbah az-Zuhaili, 1997). Hal ini kerana pada diri manusia itu terkumpul keseluruhan keistimewaan alam (Wahbah az-Zuhaili, 1997) sehingga manusia dikenali sebagai basyar yang bermaksud wajah yang mengandungi segala bentuk kebahagiaan (Hamka, 2015). Kehebatan inovasi Allah pada binatang dan tumbuh-tumbuhan pula terletak pada kepelbagaian jenis, warna serta pertumbuhan dan manfaatnya dalam eko-sistem alam. Dapatan ini selaras dengan pernyataan dalam surah Luqman (31:10) dan surah Yunus (10:24) bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu menghidup dan menyuburkan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan lalu memberi manfaat kepada pelbagai jenis binatang.

Ilmu pula meliputi syariat agama, daya inovatif manusia dan hikmah alam dan kejadian. Dalam syariat agama, terserlah inovasi Allah pada susunan tatacara ibadah, pemilihan jenis bahan yang digunakan untuk ibadah, kewajipan sesuatu syariat mengikut kemampuan penganut Islam dan kebenaran pengubahsuaian tatacara agama mengikut situasi tertentu. Penyusunan keseluruhan sistem syariat sebenarnya adalah atas dasar ilmu Allah yang mencipta dan

mengetahui segala rahsia dan hakikat manusia dan penyusunan itu selaras dengan tabiat manusia secara lahiriah dan rohaniah (Harun Din, 2015). Hal ini tidak mungkin mampu dilakukan oleh manusia yang kadang-kadang tidak mengetahui rahsia dan hakikat dirinya sendiri. Kehebatan daya inovatif Allah ini menjadi inspirasi kepada manusia supaya cuba menghasilkan sesuatu dengan sehabis baik, walaupun dalam keadaan mengetahui pasti ada kekurangan pada setiap produk inovasi yang dihasilkan. Keadaan ini berbeza dengan produk inovasi Allah yang sempurna.

Selain itu, perbezaan tahap kreativiti yang ada pada manusia, selaras dengan Model Kreativiti 4C yang membezakan tahap kreativiti yang dimiliki oleh individu kreatif (Kaufman & Beghetto, 2013). Berdasarkan model ini, Kaufman dan Beghetto (2013) percaya bahawa semua orang kreatif, cuma yang membezakan antara mereka adalah tahap keupayaan berkreativiti dan berinovasi. Oleh itu, model ini membahagikan individu dari sudut kreativiti kepada empat tahap, iaitu; mini-c, Little-c, Pro-C dan BIG-C. Perbezaan antara keempat-empat tahap ini dijelaskan oleh Cheng (2018), katanya, “mini-c adalah mana-mana pencapaian dalam aktiviti seharian. Jika dipupuk, maka akan terhasillah Little-c dan Pro-C. Pro-C ditingkatkan dengan disiplin yang memerlukan kepada kemahiran, pengetahuan dan kawalan... Pendidikan dapat meningkatkan daya kreativiti Little-c kepada Pro-C.”

Hikmah alam pula dikaitkan dengan manfaat sesuatu bahan ciptaan Allah, manakala hikmah kejadian pula dikaitkan dengan qadha' qadar Allah yang sebahagiannya dapat difikirkan kebaikan pada setiap nikmat dan musibah yang menimpa mereka. Dapatan ini secara ringkas dapat difahami melalui rajah di bawah:



Rajah 1.0: Produk inovasi Allah

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini memberi gambaran tentang contoh produk inovasi Allah, sebagaimana yang difahami oleh guru inovatif pendidikan Islam. Dapatan menunjukkan ada produk inovasi Allah yang berbentuk material seperti manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Namun, tahap keinovatifan Allah sangat hebat dan kompleks sehingga penciptaan produk material itu sendiri mempunyai satu sistem yang saling terkait antara satu sama lain. Perkaitan itu bukan hanya berlaku pada produk material, bahkan turut dikaitkan dengan produk yang bersifat maya seperti penciptaan akal pada manusia, penyusunan syariat agama, perbezaan tahap inovatif manusia serta hikmah di sebalik kejadian alam dan kejadian yang berlaku. Keadaan ini menggambarkan rahsia alam hasil inovasi al-Badi' yang sangat sempurna dan tidak mungkin mampu dihasilkan oleh manusia, walaupun dengan kesepakatan seluruh manusia dengan seluruh ilmu dan kepakaran serta dengan bantuan seluruh teknologi yang ada.

Dapatan ini memberi inspirasi buat manusia untuk berusaha dengan sehabis baik, dengan menggembelng seluruh tenaga dan kepakaran serta memanfaatkan seluruh teknologi yang ada untuk menghasilkan inovasi terbaik. Bagi guru pendidikan Islam, ada beberapa tindakan yang perlu dilakukan, iaitu; 1) memperuntukkan masa khusus bagi penghasilan inovasi, 2) mempertingkatkan keupayaan diri dengan menghadiri kursus dan latihan berkaitan agar dapat menghasilkan inovasi yang berkualiti, 3) merangsang daya inovatif yang ada pada diri para pelajar, 4) berkolaborasi dengan para guru dan pelajar untuk menghasilkan pelbagai jenis inovasi, sama ada untuk kehidupan seharian mahupun untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, dan 5) berkonsultansi dengan pakar yang berkhidmat di industri, universiti dan sebagainya, sama ada pakar konten, pakar teknologi atau pun pakar pengajaran untuk mendapatkan idea dan meningkatkan kualiti inovasi yang dihasilkan.

6.0 RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- Abu Daud, S. al-‘Asy’as. (2009). Sunan Abi Daud. Damsyik: Dar ar-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Ahmad bin Hanbal, A. A. A. bin M. bin H. asy-S. (2001). Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal. Muassasah ar-Risalah.
- Al-Asyqar, U. S. (2010). Al-Asma’ al-Husna. Jakarta: Qisthi Press.
- Al-Bukhari, M. bin I. (2001). Sahih al-Bukhari. Dar Tuqun Najah.
- Al-Hakim, A. A. al-H. M. bin A. (1990). Al-Mustadrak a’las Sohihain. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Kumayi, S. (2012). 99 Kecerdasan Berasaskan Asmaulhusna. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Al-Qurtubi, A. A. M. A. (1964). Tafsir al-Qurtubi. Kaherah: Darul Kutub.
- An-Nasaie, A. A. R. A. S. (1986). Sunan an-Nasa’ie. Maktab al-Matbu’at al-Islamiyyah.
- At-Tahir, H. A. (2008). Penjelasan Asmaulhusna. (Zulfahmi Lubis, Ed.). Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- At-Tirmizi, A. I. (1998). Sunan at-Tirmizi. Beirut: Darul Ghorbil Islamiy.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). Qualitative Research for Education. Singapore: Allyn and Bacon.
- Cheng, V. M. Y. (2018). Views on Creativity, Environmental Sustainability and Their Integrated Development. *Creative Education*, 09(05), 719–743. <https://doi.org/10.4236/ce.2018.95054>
- Hamka, H. A. M. A. K. (2015). Tafsir al-Azhar. Jakarta: Gema Insani.
- Harun Din. (2015). Manusia dan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Majah, A. A. M. Y. (n.d.). Sunan Ibni Majah. Dar Ihya’ at-Turath al-Arabiyy.
- Jamal Badi. (2014). Divine Creativity and Its Impact on Revitalizing Muslims’ Creativity. *‘Ulūm Islāmiyyah Journal*, 13, 91–114. <https://doi.org/10.12816/0012631>
- Kaufman, J. C., & Beghetto, R. A. (2013). Do People Recognize the Four Cs? Examining Layperson Conceptions Of Creativity. *Psychology of Aesthetics, Creativity, and the Arts*, 7(3), 229–236. <https://doi.org/10.1037/a0033295>
- Lednor, P. W. (2019). How to be Innovative. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Merriam, S. B. (2009). Qualitative Reearch. Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Mohd Koharuddin Balwi, & Muhamed Fauzi Othman. (2006). Reka Cipta & Inovasi dalam Perspektif Kreativiti. Skudai: Penerbit UTM.
- Muslim, I. al-H. A. H. (n.d.). Sahih Muslim. Beirut: Dar Ihya’ at-Turath al-‘Arabiyy.
- Nursafra Mohd Zhaffar. (2017). Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Said Ibrahim. (1995). Huraian Asma' al-Husna: Jalan Menghayati Akidah Islam. Kuala Lumpur: Darul Makrifah.
- Umar Faruq Abd Allah. (2006). Innovation and Creativity in Islam. Retrieved from <http://www.nawawi.org/wp-content/uploads/2013/01/Article4.pdf>
- Wahbah az-Zuhaili. (1997). At-Tafsir al-Munir fil Akidah wasy Syari'ah wal Manhaj. Damsyik: Darul Fikr al-Mu'asoroh.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2020). Allah sebagai al- Badi': Inspirasi untuk menjadi Guru Inovatif. *Journal of Educational Research & Indegenous Studies*, 1(1).
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah, & Nursafra Mohd Zhaffar. (2020). Konsep Inovasi menurut pandangan Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(1), 13–21.